

MH370: Pusat media di PWTC ditutup
Astro Awani
3 April 2014

KUALA LUMPUR: Operasi pusat media yang mengendalikan sidang media harian berkenaan operasi mencari dan menyelamatkan MH370 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan diberhentikan.

Ia berkuatkuasa mulai 8 April ini.

Menurut Kementerian Pengangkutan dalam satu kenyataan, operasi terakhir di bilik media adalah pada 7 April.

Semua siaran akhbar bermula dari 8 April dan seterusnya akan dihantar terus kepada media melalui e-mel yang sudah diberikan kepada pusat media.

Menurut kenyataan itu lagi, jika terdapat keperluan untuk mengadakan sidang media, petugas media akan dimaklumkan mengenainya.

Sebelum ini sidang media harian mengenai MH370 diadakan di Hotel Sama-Sama, ia kemudiannya dipindahkan ke PWTC berikutan hotel berkenaan telah di tempah lebih awal untuk perlumbaan Formula Satu (F1).

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source : <http://www.astroawani.com/news/show/mh370-pusat-media-di-pwtc-ditutup-33125?cp>